



## JABATAN AIR NEGERI SABAH

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah (salah seorang ibu atau bapa, warganegara Malaysia yang lahir di Sabah)** yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan.

#### NAMA JAWATAN : PEMBANTU AWAM, GRED H11

Taraf Jawatan	: Pekerja Sambilan Harian
Kadar Upah Harian	: RM 44.00
Bilangan Kekosongan	: Tiga (3)
Tempat Penempatan	: Jabatan Air Daerah Tawau

#### SYARAT LANTIKAN

- (a) Memiliki kelayakan berikut:
  - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (b) Bagi Skim Perkhidmatan calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (c) Bagi calon yang memiliki peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) / Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan hendaklah memperolehi (sekurang-kurangnya Gred D) dalam lima (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Matematik.
- (d) Bagi calon yang memiliki peringkat Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan hendaklah memperolehi (sekurang-kurangnya Gred E) dalam lima (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Matematik.

#### TUGAS UTAMA

- i. Memastikan kerja pengesanan kebocoran paip air.
- ii. Pemasangan dan pengutipan data *loggers District Metering Zone (DMZ)*.
- iii. Menyelenggara pam secara berkala dengan penyelenggaraan asas.
- iv. Memantau dan memastikan pam berjalan dengan lancar.

#### CARA MEMOHON

Calon yang berminat boleh memohon dengan mengisi *google form* melalui pautan <https://forms.gle/Zb6vRVt9hJ6AP4K68> atau **QR Code** seperti di bawah:



Borang Permohonan

- ❖ Pemohon yang layak akan dihubungi bagi proses temuduga.
- ❖ Tarikh tutup permohonan 14 September 2023 (Khamis) jam 11.59 Malam.